

TRANSFORMASI KOPERASI KEPADA BANK KOPERASI: SATU PENILAIAN

HAFIZAL ABU BAKAR
NOR ARMA ABU TALIB
MEGAT AIZAM MEGAT ALWI
FAUZI HUSSIN
SELAMAH MAAMOR
NOREHAN ABDULLAH
HUSSIN ABDULLAH

JUN 2014

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai keperluan koperasi di Malaysia untuk transformasi kepada Bank Koperasi. Idea kajian ini tercetus daripada keinginan koperasi Angkatan Tentara Malaysia (ATM) untuk berubah atau wujud dalam bentuk bank koperasi. Selari dengan itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga telah mensasarkan untuk mewujudkan empat buah Bank Koperasi pada tahun 2020. Kajian ini tertumpu kepada koperasi yang telah dan berhasrat untuk transformasi kepada bank koperasi sebagai sampel kajian iaitu Bank Rakyat, KOPSYA, dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (KATMB). Kajian ini menggunakan metod campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis kandungan dokumen, dan analisis kewangan dalam pasaran bank serta pasaran koperasi. Hasil kajian mendapati Bank Rakyat menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pasaran perbankan mahupun dalam kalangan koperasi di Malaysia. Justeru, Bank Rakyat boleh dijadikan model yang baik bagi koperasi yang ingin transformasi kepada bank koperasi seperti KATMB. KATMB juga dilihat telah memenuhi syarat untuk transformasi kepada Bank Koperasi berdasarkan analisis perundangan dan tadbir urus, termasuk daripada sudut kewangan. Dari segi perundangan juga tiada masalah bagi sesebuah koperasi untuk transformasi kepada bank koperasi selagi mana ia mampu memenuhi syarat minima FLAME-T dari SKM dan DFIA dari BNM. Kewujudan bank koperasi mampu menjadi pemacu ekonomi negara, pertambahan bilangan bank koperasi di Malaysia adalah perlu dan jika bergerak di bawah IFSA, ia boleh menceburi semua

perkhidmatan termasuklah pelaburan atau unit amanah dan insurans atau takaful agar bank koperasi dapat mencakupi dan meluaskan cabang perniagaannya dalam bidang perkhidmatan yang lain. Ini akan dapat menambah pendapatan koperasi dan seterusnya menjadi *one stop center* kepada ahli dan juga koperasi lain bagi mendapatkan perkhidmatan yang lebih lengkap dan sempurna.